



AHMAD LOKMAN AYUB

LATAR BELAKANG

Beliau mempunyai pengalaman di dalam bidang muzik tradisional selama lebih 30 tahun. Beliau memulakan kerjayanya sebagai Jurulatih Sambilan di Rancangan Ko-Kurikulum (Gamelan) di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang dan di Universiti Utara Malaysia, Kedah pada tahun 1986 hingga tahun 1990. Seterusnya beliau menjadi Pemuzik Tradisional di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pada tahun 1990 hingga tahun 1997. Kemudian, beliau menjadi Pemuzik Tradisional di Kompleks Budaya Negara (KBN) atau kini dikenali sebagai Istana Budaya (IB) pada tahun 1997 hingga tahun 2008. Kini, beliau menjadi Pensyarah Fakulti Muzik dan Pusat Seni Pentas Tradisional sejak tahun 2008.

Beliau merupakan pensyarah yang mengajar alat-alat muzik secara notasi dan hafalan dalam ensemble Makyung, Gendang Silat Kelantan, Muzik Asli, Gamelan dan Wayang Kulit.

PENCAPAIAN

Ketika beliau masih bertugas di DBKL dan IB, beliau turut serta dalam persembahan muzik tradisional yang diadakan di luar negara seperti Australia, New Zealand, Finland, Itali, Sepanyol, Jerman, Korea Selatan, Paris, New York, Mesir, Maghribi dan Iran.